

PERUTUSAN PENGERUSI

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Prestasi kukuh serta transformasi berlandaskan matlamat yang jelas telah mewarnai tahun 2024, memberikan gambaran menyeluruh tentang perjalanan dan pencapaian KWSP. Dengan penuh sukacita, saya membentangkan pencapaian KWSP bagi tahun ini, tahun yang bukan sahaja mencerminkan ketahanan kami, malah memperlihatkan peranan KWSP yang semakin meluas dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Sepanjang tahun ini, KWSP terus memperkukuh landasan operasinya, dipandu oleh komitmen yang mendalam dan berterusan untuk membantu setiap ahli mencapai persaraan yang bermaruah, terjamin dan penuh harapan. Prestasi kewangan kami yang kukuh, termasuk pengagihan dividen tertinggi yang pernah dicapai bagi kedua-dua Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah, bukanlah sekadar angka semata-mata. Ia melambangkan kepercayaan yang diberikan oleh lebih 16 juta ahli terhadap KWSP, serta komitmen yang utuh untuk menjalankan amanah tersebut, khususnya dalam era perubahan ekonomi dan realiti sosial yang pesat berkembang.

Pencapaian kami pada tahun 2024 didorong oleh penambahbaikan dasar yang berterusan, pelaksanaan strategi jangka panjang yang teratur, serta keyakinan bersama bahawa KWSP perlu terus berkembang, bukan sekadar memenuhi keperluan semasa, malah turut membantu membentuk masa hadapan yang lebih terjamin dan inklusif. Berpandukan teras ini terletaknya tujuan utama kami, yakni membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia. Sebagai pemegang amanah kepada simpanan persaraan negara, kami percaya bahawa peranan kami melangkaui sekadar badan pengurusan kewangan. Kami adalah rakan kongsi dalam pembangunan negara yang komited terhadap kesejahteraan jangka panjang, serta berdedikasi dalam meluaskan peluang ekonomi untuk masyarakat.

MENGHARUNGI LANDSKAP YANG KOMPLEKS DENGAN FOKUS DAN KETABAHAN

Dengan ketegangan geopolitik dan gangguan perdagangan yang berterusan menjejaskan keyakinan pelabur, ekonomi global kekal tidak menentu sepanjang tahun 2024. Pasaran kewangan secara umumnya mengambil pendekatan berwaspada, manakala bank-bank pusat terus mengekalkan dasar monetari yang ketat bagi membendung inflasi.

Walaupun berhadapan dengan cabaran global, Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Pada tahun 2024, ekonomi negara berkembang sebanyak 5.1%, meningkat daripada 3.7% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, peningkatan gaji, serta dasar kerajaan yang stabil di bawah Belanjawan 2024 dan rangka kerja Ekonomi MADANI.

Momentum positif ini turut dilihat dalam prestasi pasaran modal, dengan FBM KLCI mencatatkan peningkatan sebanyak 12.9%, satu pemulihan kukuh berbanding penurunan yang dicatatkan pada tahun 2023. Pemulihan ini disokong oleh sentimen pelabur yang semakin baik, pasaran buruh yang bertambah kukuh, serta peningkatan dalam prestasi eksport.




TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI

Pengerusi

PERUTUSAN PENERUSI

2024



Prestasi KWSP juga bergerak seiring dengan perkembangan ini. Berpandukan strategi pelaburan jangka panjang dan rangka kerja Alokasi Aset Strategik, kami kekal teguh dan fokus dalam mengharungi ketidaktentuan pasaran, dengan penuh waspada serta rasa tanggungjawab terhadap amanah yang dipikul.

MENJANA PULANGAN YANG KUKUH DAN MAMPAN

Pada tahun 2024, kami mengisytiharkan dividen sebanyak 6.30% bagi Simpanan Konvensional dan Simpanan Shariah, iaitu yang tertinggi dalam tempoh tujuh tahun dan buat julung kalinya, kedua-dua simpanan ini mencatatkan kadar dividen tahunan yang sama. Jumlah pengagihan mencecah RM73.24 bilion, merangkumi RM63.05 bilion bagi Simpanan Konvensional dan RM10.19 bilion bagi Simpanan Shariah. Pencapaian ini menyerlahkan ketahanan portfolio pelaburan kami yang pelbagai serta komitmen berterusan KWSP untuk menjana nilai mampan jangka panjang dalam landskap pasaran yang sentiasa berubah.

Jumlah pendapatan pelaburan keseluruhan kami mencecah RM74.46 bilion, meningkat sebanyak 11% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pengagihan pelaburan yang berdisiplin merangkumi ekuiti, pendapatan tetap dan aset nyata. Berteraskan Alokasi Aset Strategik kami, pendekatan seimbang ini memastikan nilai jangka panjang terjamin untuk ahli dalam mengatasi pasaran yang stabil mahupun bergolak.

Setakat 31 Disember 2024, jumlah aset pelaburan KWSP mencecah RM1,249.71 bilion, mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 10% meskipun berdepan ketidaktentuan pasaran dan ketidakstabilan global yang berterusan. Pencapaian signifikan ini melambangkan daya tahan portfolio pelaburan kami serta keyakinan berterusan para ahli yang dizahirkan melalui sumbangan mereka yang konsisten.

Antara pencapaian utama pada tahun ini juga adalah pengasingan strategik antara portfolio Simpanan Konvensional dan Simpanan Shariah KWSP. Inisiatif ini membolehkan setiap portfolio dilaksanakan dengan strategi pelaburan serta peruntukan aset yang tersendiri, sekali gus meningkatkan potensi pulangan jangka panjang. Selain itu, langkah ini turut memperkukuh kepelbagaian dari segi kelas aset, pasaran, negara dan mata wang seterusnya menyokong pertumbuhan yang kukuh dan mampan.

Simpanan Shariah terus mengekalkan piawaian pelaburan yang ketat dari segi etika dan kepatuhan Syariah yang dibimbing oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP. Semua pelaburan akan melalui proses saringan yang teliti bagi memastikan tiada unsur-unsur seperti riba, gharar dan aktiviti tidak halal berlaku. Portfolio ini tidak terlibat dalam pelaburan terhadap sektor-sektor seperti alkohol, perjudian, hiburan dewasa, dan senjata ketenteraan, sekaligus ia sejajar dengan komitmen kami terhadap pelaburan yang bertanggungjawab dan berlandaskan prinsip.

PERUTUSAN PENERUSI

MEMPERKUKUH KEPERCAYAAN, MELUASKAN IMPAK

Peningkatan keahlian KWSP menjadi bukti kepercayaan rakyat Malaysia terhadap KWSP. Pada tahun 2024, kami menerima 475,752 ahli baharu, menjadikan jumlah keseluruhan ahli kepada 16.22 juta. Seramai 402,024 ahli memilih Simpanan Shariah, menjadikan jumlah penyertaan mencecah 2.19 juta. Ini menunjukkan daya tarikan kuat dalam pelaburan yang berprinsip dan patuh Syariah, di samping mengukuhkan tanggungjawab kami untuk menguruskan dana dengan integriti, telus dan prihatin.

Jumlah caruman ahli dan majikan mencatatkan peningkatan sebanyak 11% berbanding tahun 2023, kepada RM108.22 bilion. Selain itu, penyertaan yang memberangsangkan daripada sektor tidak formal terus menunjukkan momentum yang kukuh, dengan pendaftaran i-Saraan melonjak sebanyak 51% kepada 558,269 ahli, manakala jumlah caruman meningkat sebanyak 83% kepada RM1.20 bilion.



➔ Kakitangan KWSP cawangan Seberang Jaya memberi bantuan terus serta penerangan kepada komuniti setempat semasa Karnival Jom Heboh yang berlangsung di Batu Kawan, Pulau Pinang.

Penyertaan majikan terus menunjukkan trend peningkatan, dengan 71,471 majikan baharu berdaftar pada tahun 2024, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 614,563 majikan. Kemajuan ini didorong oleh usaha libat urus yang proaktif serta penambahbaikan digital yang berterusan, yang telah meningkatkan tahap pematuhan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan.

Caruman sukarela juga mencatat pertumbuhan kukuh, meningkat 63% daripada RM8.4 bilion pada 2023 kepada RM13.7 bilion pada 2024. Seramai 75,169 ahli membuat Caruman Melebihi Kadar Berkanun, iaitu caruman tambahan melebihi kadar wajib. Ini menandakan peningkatan sebanyak 27% sejak tahun 2023 dan melambangkan komitmen yang semakin meningkat dalam kalangan ahli untuk memperkukuhkan jaminan kewangan jangka panjang.

Seiring dengan peningkatan kepercayaan terhadap KWSP daripada individu pelbagai latar belakang, kami kekal komited dalam membina sistem persaraan yang inklusif, berdaya tahan dan menerima kepercayaan yang diberikan ahli.

MEMBENTUK MASA HADAPAN SIMPANAN PERSARAAN

Pada tahun 2024, KWSP telah melaksanakan perubahan terhadap struktur akaun untuk menyelaraskan simpanan ahli dengan keperluan kewangan yang berbeza mengikut peringkat kehidupan. Pelancaran Akaun Persaraan, Akaun Sejahtera dan Akaun Fleksibel membuka lembaran baharu untuk KWSP dalam menyokong perjalanan kewangan ahli yang sering berubah, dengan menyeimbangkan matlamat persaraan jangka panjang dan keperluan jangka pendek yang lebih mendesak.

Di bawah struktur baharu ini, 75% daripada caruman diperuntukkan kepada Akaun Persaraan bagi menjamin pendapatan persaraan, dengan sedikit peningkatan daripada 70% peruntukan yang mengukuhkan tumpuan berterusan kami terhadap jaminan kewangan jangka panjang. Sementara itu, 15% disalurkan ke Akaun Sejahtera bagi menyokong keperluan kesejahteraan hidup yang lebih meluas, manakala 10% disalurkan kepada Akaun Fleksibel untuk akses jangka masa pendek sekiranya diperlukan. Pendekatan ini dapat memberi ketelusan dan kawalan terhadap simpanan mereka di samping menekankan kepentingan kewangan jangka panjang.

Penstrukturan semula ini membuktikan komitmen berterusan KWSP untuk terus berkembang selaras dengan perubahan keperluan ahli. Seiring dengan perubahan landskap ekonomi dan corak pekerjaan semasa, kami kekal komited dalam merangka dasar yang inklusif, berpandangan jauh, dan berteraskan kesejahteraan kewangan jangka panjang.

MEMACU KEPIMPINAN YANG BERINTEGRITI, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERPAKSI TUJUAN

Amanah yang dipikul oleh KWSP dalam mengurus simpanan persaraan Malaysia berteraskan tadbir urus yang kukuh serta kepimpinan yang berprinsip. Selaras dengan mandat tersebut, kami terus mengekalkan piawaian tertinggi dalam aspek ketelusan dan akauntabiliti sepanjang tahun 2024, dengan menerapkan nilai integriti dan kelestarian dalam setiap aspek operasi kami.

Salah satu pencapaian utama pada tahun 2024 ialah pelancaran Polisi Tadbir Urus Pelaburan Lestari KWSP, dasar tersendiri yang pertama seumpamanya oleh pelabur institusi di Malaysia. Dasar ini menetapkan rangka kerja yang jelas bagi penglibatan dengan syarikat pelaburan dan pengurus dana luaran, sambil menggalakkan amalan pelaburan yang bertanggungjawab selaras dengan piawaian global seperti Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Menerusi platform MyRisks KWSP, sebanyak 27 jabatan, 6 wilayah dan 69 cawangan kini terlibat secara aktif dalam penilaian pengurusan risiko rasuah. Program kesedaran dan latihan yang dilaksanakan secara berterusan ini bertujuan memupuk budaya membuat keputusan secara beretika. Pada masa yang sama, pelaksanaan Indeks Prestasi Integriti yang berstruktur membolehkan pemantauan rapi terhadap pencapaian dan pelaksanaan gerak kerja di setiap unit. Langkah-langkah ini mencerminkan pendirian tegas KWSP terhadap gejala rasuah serta komitmen kami untuk memperkukuh piawaian tadbir urus dalam sektor awam.

PERUTUSAN PENERUSI

2024

Usaha-usaha ini menjadi asas kepercayaan yang diberikan oleh ahli kepada KWSP. Pada tahun 2024, kami mencapai skor kepercayaan sebanyak 83%, dan sekali lagi menerajui sektor GLIC/GLC/Kerajaan dalam kajian Ipsos Trust Track untuk tahun keenam berturut-turut. Kajian yang dijalankan setiap tahun oleh Ipsos Malaysia ini mengukur tahap kepercayaan awam terhadap sektor-sektor utama. Pencapaian konsisten kami di kedudukan teratas mengukuhkan keyakinan yang diberikan kepada kami sebagai sebuah institusi kebangsaan yang dipercayai dan terkemuka.

Indeks Kepuasan Pelanggan kami mencapai 93%, manakala Skor Promoter Bersih (*Net Promoter Score*) mencapai +52, satu tahap yang dianggap baik sekali dan jelas menunjukkan keyakinan tinggi ahli terhadap KWSP sebagai sebuah institusi yang telus, bertanggungjawab dan berorientasikan ahli. Walaupun peranan kami semakin kompleks dan meluas, prinsip kepimpinan kami tetap teguh: berlandaskan integriti dan berpandukan kepentingan jangka panjang untuk ahli yang menjadi keutamaan kami.

MEMPERKUKUH KEDUDUKAN KAMI DI PERINGKAT GLOBAL

Sebagai salah satu dana persaraan terbesar di rantau ini, KWSP memainkan peranan yang semakin meluas dalam membentuk tadbir urus pelaburan dan kemampunan persaraan jangka panjang merentasi pasaran. Sehubungan itu, kami terus menyelaraskan pendekatan kami dengan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta kekal aktif dalam pelbagai platform yang memajukan amalan pelaburan bertanggungjawab sepanjang tahun 2024.



➔ Pengarah KWSP Wilayah Timur, Encik Rahmat Ali bersama kakitangan KWSP ketika Karnival Jom Heboh Terengganu.

Melalui penyertaan kami di dalam Majlis Pelabur Institusi (*Institutional Investors Council*) dan rangkaian serantau lain, kami terus menyumbang secara aktif dalam dialog berterusan mengenai integrasi ESG, kecukupan persaraan, dan sistem persaraan yang berdaya tahan untuk masa hadapan. Penglibatan ini melengkapi usaha dalaman kami untuk memastikan amalan kami kekal kukuh, telus, dan selaras dengan jangkauan antarabangsa.

TINJAUAN

Dalam menghadapi tahun yang mendatang, fokus kami kekal untuk mendepani perubahan dengan berkesan sambil terus menyampaikan nilai yang konsisten kepada ahli. Ketegangan dalam perdagangan global dan perubahan teknologi yang pesat dijangka terus mempengaruhi pasaran modal. Di peringkat domestik pula, peralihan demografi dan perubahan dalam dinamik tenaga kerja akan meningkatkan keperluan mendesak untuk memastikan kecukupan persaraan dan melaksanakan pembaharuan yang inklusif.

Di samping landskap yang sedang berkembang ini, fokus kami kekal teguh dengan matlamat kami: untuk menyampaikan hasil yang mampan kepada ahli sambil menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara. Rangka kerja Alokasi Aset Strategik kami akan terus menjadi panduan, membolehkan pelaburan yang berdisiplin, pertumbuhan yang berterusan, dan penglibatan domestik yang kukuh.

Namun, kami sedar bahawa pulangan kewangan semata-mata tidak mencukupi untuk merapatkan jurang persaraan. Perubahan minda ke arah simpanan yang konsisten, akses yang lebih meluas kepada perlindungan sosial, dan kerjasama rentas sektor yang lebih mendalam amatlah penting. Dalam melangkah ke hadapan, KWSP komited untuk menyampaikan nilai yang bukan sahaja berdaya tahan dari segi kewangan, tetapi juga memberi impak sosial, bagi memastikan setiap usaha kami hari ini terus mencerminkan peranan kami dan menunaikan tanggungjawab kepada generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang dalam menjadikan tahun 2024 sebagai tahun yang penuh dengan pencapaian yang signifikan. Kepada rakan-rakan Ahli Lembaga, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Penasihat Syariah, dan pasukan pengurusan KWSP - khidmat nasihat yang bijaksana serta dedikasi yang tidak berbelah bahagi daripada anda semua amatlah dihargai.

Kepada seluruh warga KWSP, dari cawangan hingga ke ibu pejabat, integriti, profesionalisme dan komitmen anda semua kekal menjadi pemangkin kepada segala usaha dan pencapaian kami. Dan yang paling utama, kepada ahli-ahli kami: setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana terus menaruh kepercayaan kepada kami. Keyakinan anda menjadi sumber inspirasi kepada kami untuk terus berusaha dengan lebih gigih, bertindak dengan penuh ketelusan, dan berkhidmat dengan tujuan yang jelas demi masa hadapan persaraan yang lebih terjamin.

Saat kita melangkah ke hadapan, marilah kita terus maju bersama, dengan keyakinan dan matlamat yang dikongsi, demi membina bukan sahaja masa persaraan yang lebih kukuh, malah sebuah negara Malaysia yang lebih teguh dan berdaya tahan.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali
Pengerusi

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Peranan KWSP dalam menjaga kesejahteraan ahli semakin signifikan dari hari ke hari. Ketika Malaysia melalui perubahan demografi dan ekonomi yang ketara, termasuk peralihan kepada populasi menua serta kemunculan ekonomi gig, peranan kami sebagai tonggak kesejahteraan kewangan untuk setiap ahli menjadi aspek yang paling penting. Sepanjang tahun 2024, kami telah mencatatkan pencapaian yang amat memberangsangkan, melaksanakan pembaharuan struktur yang ketara, dan mengekalkan tahap disiplin yang tinggi dalam pelaksanaan setiap objektif. Fokus utama kami kekal jelas iaitu untuk menjamin hasil persaraan yang lebih baik bagi ahli serta menyokong daya tahan jangka panjang negara.

Kami bukan sekadar pengurus dana. Kami merupakan rakan strategik yang komited dalam membantu lebih 16 juta rakyat Malaysia membina jaminan kewangan yang mampan. Nilai amanah ini yang menjadi teras bagi setiap aspek strategi kami, yang kekal fokus, berpandangan jauh dan berpaksikan kepercayaan rakyat yang kami lindungi.

PRESTASI KUKUH, TADBIR URUS BERHEMAH

Kami menutup tahun kewangan dengan pencapaian yang memberangsangkan, merekodkan jumlah pendapatan pelaburan sebanyak RM74.46 bilion. Kejayaan ini didorong oleh strategi pelaburan yang berdisiplin, pelaksanaan yang cekap, serta pendekatan jangka panjang dalam tadbir urus kami. Prestasi kukuh ini membolehkan kami mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 6.30% bagi Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah, iaitu kadar yang tertinggi sejak tahun 2018. Ini mencerminkan kekuatan dan ketekalan baharu strategi pelaburan kami dalam memberikan nilai mampan kepada ahli.


Portfolio Ekuiti kami menjana pendapatan sebanyak RM49.79 bilion, merangkumi 67% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pelaburan, dengan pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 9.90%. Pencapaian ini disokong oleh keputusan strategik yang tepat pada masanya dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu. Pelaburan Ekuiti Persendirian pula mencatat ROI yang kukuh sebanyak 11.33%, sekali gus menyerlahkan nilai berterusan pelaburan alternatif kami. Instrumen Pendapatan Tetap menjadi penyumbang stabil, menjana pulangan sebanyak RM21.91 bilion atau 29% daripada pendapatan keseluruhan (ROI: 4.27%), sebahagian besarnya melalui pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia. Sektor Hartanah dan Infrastruktur pula menyumbang sebanyak RM1.64 bilion (ROI: 5.13%), manakala Instrumen Pasaran Wang menyumbang RM1.12 bilion (ROI: 1.89%). Pulangan daripada segmen-segmen ini sedikit terjejas akibat pergerakan mata wang, khususnya disebabkan oleh pengukuhan nilai Ringgit.

Portfolio KWSP kekal seimbang, dengan 46.2% dilaburkan dalam Instrumen Pendapatan Tetap, 43.5% dalam Ekuiti, 6.3% dalam Hartanah dan Infrastruktur, serta 4% dalam Instrumen Pasaran Wang, yang mencerminkan gabungan yang seimbang antara pemeliharaan modal dan pertumbuhan jangka panjang. Pelaburan domestik, yang merangkumi 63% daripada jumlah aset, telah menyumbang sebanyak RM37.02 bilion atau 49.7% daripada jumlah pendapatan pelaburan, sekali gus memperkukuh sokongan KWSP terhadap pembangunan ekonomi negara. Sementara itu, pelaburan antarabangsa, yang mewakili 37% daripada aset telah menjana RM37.44 bilion atau 50.3% daripada pendapatan, mengukuhkan nilai kepelbagaian pelaburan global.



AHMAD ZULQARNAIN ONN

Ketua Pegawai Eksekutif



PELAKSANAAN BERPANDUKAN MATLAMAT: PELAN BOLEH UBAH TIGA TAHUN KWSP

Strategi KWSP berteraskan rangka kerja yang jelas, yang menjadi panduan utama bagi setiap inisiatif dan pembaharuan organisasi. Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun menetapkan hala tuju strategik kami bagi memastikan keutamaan kekal relevan, boleh diukur dan responsif terhadap perubahan persekitaran.

Pada tahun 2024, kami telah memperkukuh semula identiti dan tujuan kami. Dengan pembaharuan Tujuan bagi membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia serta Misi yang jelas dalam membantu ahli mencapai pendapatan persaraan yang selesa, kami telah memperkemas fokus strategik. Hala tuju ini memberi keutamaan sepenuhnya kepada rakyat dan masa hadapan sebagai panduan, berdasarkan nilai teras kami, iaitu Progresif, Empati, Kerjasama, dan Integriti.

Berpandukan identiti yang diperbaharui ini, Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun KWSP berperanan sebagai pelan hala tuju untuk membina sebuah organisasi yang berdaya tahan, bersedia menghadapi masa hadapan, dan berfokus kepada keperluan ahli. Pelan ini disusun berdasarkan tujuh teras strategik yang memacu pelaksanaan merentasi bidang-bidang utama, bagi memastikan segala usaha kekal sejajar, selaras dan berorientasikan hasil.

7 TERAS STRATEGIK

1 Pembangunan Modal Insan	5 Kecekapan Operasi dan Perniagaan
2 Ketahanan Pelaburan	6 Kesejahteraan Persaraan
3 Penerapan Kelestarian	7 Pengupayaan Digital
4 Berfokuskan Pelanggan	

Pada tahun 2024, Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun mencatat kemajuan yang ketara dan hasil yang boleh diukur merentasi pelbagai bidang keutamaan: memperluas liputan inklusif melalui program i-Saraan dan i-Suri, menambah baik pengalaman ahli melalui transformasi digital, serta memperkukuh penerapan ESG dalam amalan pelaburan kami. Di peringkat dalaman, kami mempergiat usaha peningkatan kemahiran tenaga kerja, melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berfokus, serta mengukuhkan nilai-nilai perkhidmatan selaras dengan tujuan, misi dan nilai yang diperbaharui, sekali gus meletakkan asas ke arah sebuah organisasi yang lebih berkesan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MEMACU PEMBAHARUAN STRUKTUR

Landskap persaraan negara kini berdepan dengan cabaran struktur yang nyata, merangkumi jangka hayat yang semakin panjang, peningkatan kos penjagaan kesihatan, simpanan persaraan yang rendah serta pertumbuhan tenaga kerja dalam sektor tidak formal. Cabaran-cabaran kompleks ini menuntut pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu. Sehubungan itu, KWSP kekal komited untuk memainkan peranan aktif dalam merintis penyelesaian ke arah masa hadapan yang lebih mampan.

Pada tahun 2024, kami telah melakukan penstrukturan tiga akaun bagi menyokong perancangan kewangan seumur hidup ahli dengan lebih berkesan. Selain Akaun Persaraan dan Akaun Sejahtera, kami turut memperkenalkan Akaun Fleksibel yang membolehkan pengeluaran sebahagian simpanan bagi keperluan jangka pendek tanpa menjejaskan jaminan persaraan jangka panjang ahli.

Menjelang akhir tahun, lebih 4 juta ahli telah memanfaatkan Akaun Fleksibel, dengan jumlah pengeluaran mencecah RM12.17 bilion. Namun begitu, lebih 70% ahli yang layak memilih untuk tidak membuat pengeluaran, mencerminkan tahap kesedaran yang semakin meningkat terhadap kepentingan perancangan kewangan jangka panjang. Peralihan ini bukan sahaja menunjukkan tabiat menabung yang lebih baik dalam kalangan ahli, malah membuka peluang baharu untuk merangka pendekatan baharu dalam menyokong pendapatan persaraan yang lebih berkesan.

Bagi menyokong peralihan ini, kami telah memperkenalkan Rangka Kerja Kecukupan Pendapatan Persaraan (*Retirement Income Adequacy - RIA*) serta Panduan Belanjawanku 2024/2025 yang telah dikemas kini. Rangka kerja RIA menggariskan tiga tahap kecukupan persaraan sebagai panduan kepada ahli dalam merancang simpanan, manakala Belanjawanku menyediakan anggaran perbelanjaan bulanan yang dikemas kini bagi kawasan bandar utama. Kedua-dua kemudahan ini bertujuan membantu rakyat Malaysia membuat keputusan yang lebih bijak berkaitan simpanan dan gaya hidup semasa persaraan.

Kami turut meluaskan capaian pembaharuan ini melalui penambahbaikan liputan menerusi pelaksanaan dasar yang disasarkan dan reka bentuk produk yang inklusif.

i-Saraan

Peningkatan sebanyak 51%, dengan penyertaan baharu seramai 558,269 orang dan melepasi angka 1 juta pencarum.

i-Suri dan i-Sayang

Memberi manfaat kepada lebih 287,000 ahli i-Suri dan 102,000 ahli i-Sayang, sekali gus memperkukuh perlindungan sosial bagi penjaga dan tanggungan.

i-Lindung Fasa 2

Membolehkan lebih 115,000 ahli meluaskan perlindungan hayat dan penyakit kritikal kepada ahli keluarga terdekat, satu langkah penting dalam membina daya tahan kewangan menghadapi peningkatan kos perubatan.

SEIRING DENGAN KEUTAMAAN NEGARA

Ekonomi Malaysia sedang dibentuk oleh perubahan struktur. Perubahan demografi, pertumbuhan tenaga kerja tidak formal, dan tekanan iklim yang semakin meningkat sedang mentakrif semula bentuk pekerjaan, gaya hidup, serta perancangan persaraan. Dalam landskap yang sentiasa berubah ini, peranan KWSP telah berkembang melangkaui fungsi pengurusan dana semata-mata. Kami kini menjadi rakan institusi utama dalam menyokong daya tahan negara dan menyumbang kepada hasil sosial serta ekonomi yang lebih menyeluruh.

Salah satu usaha tersebut ialah komitmen pelaburan langsung domestik sebanyak RM50 bilion dalam tempoh lima tahun di bawah program GEAR-up. Walaupun pelaburan ini bertujuan untuk menjana pulangan yang mampan, ia turut menyokong matlamat pembangunan negara yang lebih luas. Perkara ini merangkumi pembinaan infrastruktur sokongan bagi populasi yang semakin menua, memperluas akses kepada penjagaan kesihatan dan perkhidmatan digital, serta mempercepat peralihan kepada ekonomi hijau. Dengan memperkukuh asas ekonomi negara, usaha ini menyumbang kepada masa hadapan yang lebih inklusif dan berdaya tahan.


Kami juga secara aktif menyumbang ke arah pembaharuan sistem persaraan dan perlindungan sosial. Pada tahun 2024, KWSP menjadi Pengerusi Persatuan Jaminan Sosial ASEAN (ASSA) dan turut terlibat secara aktif dalam Majlis Perlindungan Sosial Malaysia. Inisiatif seperti rangka kerja RIA, kerjasama dengan sektor kreatif dan platform gig, serta pembangunan produk yang inklusif memberikan gambaran yang jelas tentang fokus kami untuk memperluas liputan kepada segmen tenaga kerja yang kurang mendapat perhatian dan bersifat mobil.

Pada masa yang sama, agenda kelestarian KWSP pada tahun 2024 terus diperkukuh. Ini dibuktikan melalui pengurangan pelepasan gas rumah kaca daripada operasi kami sebanyak 28%, sekali gus menegaskan komitmen kami terhadap tadbir urus yang bertanggungjawab. Menyedari bahawa sebahagian besar pelepasan karbon berpunca daripada portfolio pelaburan, kami turut menyempurnakan penanda aras pelepasan yang dibiayai merangkumi hampir 100% pegangan pelaburan, berpandukan metodologi *Partnership for Carbon Accounting Financials (PCAF)*. Langkah ini merupakan satu pencapaian penting dalam peralihan kami ke arah pendekatan nyahkarbon berpandukan data, sejajar dengan usaha kami membangunkan pelan hala tuju khusus dan sasaran jangka pendek yang disesuaikan ke arah matlamat sifar bersih.

TINJAUAN MASA HADAPAN

Ketika Malaysia melangkah ke fasa baharu transformasi, KWSP perlu kekal tangkas, inklusif dan berpandangan jauh ke hadapan. Kejayaan jangka panjang kami bukan hanya bergantung kepada keupayaan menjana pulangan, tetapi juga melalui keupayaan tindak balas secara berkesan terhadap perubahan serta memastikan hasil persaraan yang relevan, berdaya tahan dan mampan.

Sorotan bagi tahun 2025 menunjukkan pertumbuhan sederhana dengan ketidakpastian yang berterusan akibat faktor geopolitik dan tarif yang lebih tinggi. Dalam persekitaran ini, keutamaan kami kekal jelas: mengurus risiko secara berdisiplin sambil mencipta nilai jangka panjang. Kami melihat potensi kukuh dalam sektor-



➔ Dari kiri: Ketua Pegawai Operasi, Encik Szaliza Zainuddin; Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Zulqarnain Onn; Ketua Pegawai Pelaburan, Puan Rohaya Mohammad Yusof; dan Ketua Pegawai Teknologi Digital, Encik Muhammad Afhzal Abdul Rahman, dalam Taklimat Prestasi Kewangan KWSP 2024.

sektor yang selari dengan visi nasional MADANI, termasuk tenaga hijau, inovasi penjagaan kesihatan, infrastruktur digital dan kecerdasan buatan (AI). Peluang-peluang ini mencerminkan keyakinan kami bahawa penciptaan nilai jangka panjang haruslah menyokong daya tahan negara dan kemakmuran bersama.

KWSP turut optimis dengan tahap kematangan kewangan yang semakin meningkat dalam kalangan ahli. Daripada penggunaan Akaun Fleksibel secara berhemah hinggalah kepada penyertaan yang lebih tinggi dalam skim sukarela, ahli kini semakin proaktif dalam merancang masa hadapan persaraan mereka. Tahap kepercayaan dan penglibatan ini mengukuhkan lagi peranan kami bukan sahaja sebagai pengurus dana, tetapi juga sebagai rakan jangka panjang dalam kesejahteraan kewangan ahli.

Pelan Tiga Tahun 2025-2027 kami yang baharu bukan sahaja bersifat progresif malah berteraskan realiti. Ia menetapkan hala tuju yang jelas untuk memperkukuh impak KWSP, memperteguh daya tahan institusi, serta menyampaikan hasil yang bermakna dalam dunia yang sedang berubah dengan pesat.

Melangkah ke hadapan, kami terus komited untuk memperluas akses yang inklusif, meningkatkan kecukupan pendapatan sepanjang hayat, serta menyokong transformasi ekonomi Malaysia yang lebih menyeluruh, sambil terus berpegang teguh kepada matlamat asal penubuhan kami.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga, Panel Pelaburan, dan Jawatankuasa Penasihat Syariah atas bimbingan, penyeliaan dan sokongan padu yang telah diberikan sepanjang tahun. Kepimpinan anda semua amat penting dalam mengemudi KWSP menghadapi persekitaran yang mencabar serta memastikan kami kekal fokus terhadap tanggungjawab jangka panjang kami kepada ahli.

Kepada semua warga kerja KWSP, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan. Sebahagian besar daripada usaha anda tidak dapat dilihat secara langsung, namun kesannya amat bermakna. Dedikasi anda menjadi pemacu kemajuan KWSP dan mengukuhkan kepercayaan yang telah diberikan oleh jutaan rakyat Malaysia.

Kepada semua ahli KWSP, terima kasih atas keyakinan yang berterusan. Kami kekal komited sepenuhnya untuk berkhidmat demi kepentingan terbaik anda dengan integriti, iltizam, dan pandangan jangka panjang dalam memastikan masa hadapan kewangan anda terjamin.

Ahmad Zulqarnain Onn
Ketua Pegawai Eksekutif